

# Dinamisme Ijtihad Fiqh Tentang Hospitaliti Rumah Kediaman

## *Dynamism of Ijtihad on the Hospitality of the Dwelling House*

**Zahari Mahad Musa**

*Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia*

*e-mel: zahari@usim.edu.my*

### **Abstrak**

*Islam menetapkan panduan yang terperinci berkaitan rumah kediaman yang berkualiti bagi tujuan kelestarian hidup manusia. Mengikut perspektif Islam, rumah kediaman bukan setakat ruang fizikal semata-mata, malah ia menjadi tempat bermulanya interaksi sosial dan pembinaan komuniti yang sejahtera. Hukum hospitaliti yang merujuk kepada layanan mesra tetamu merupakan sebahagian peraturan yang ditetapkan oleh syarak dan bermula dari rumah kediaman. Artikel ini bertujuan menjelaskan ijtihad fiqh yang dinamik tentang hospitaliti berkaitan rumah kediaman dengan memfokuskan kepada peraturan yang ditetapkan kepada penghuni mahupun tetamu yang berkunjung ke sesebuah rumah kediaman. Analisis dilakukan ke atas nas-nas syarak dan huraian ulama berkaitan hukum hospitaliti rumah kediaman. Kajian ini mendapati Islam menetapkan cara hidup yang seimbang demi kelestarian insan. Keseimbangan melalui peraturan hospitaliti berkaitan rumah kediaman dapat dilihat melalui beberapa perubahan ijtihad fiqh yang bersifat dinamik. Islam memberi perlindungan hak privasi penghuni kediaman dan tuntutan sosial bermasyarakat iaitu hidup berjemaah pada satu-satu masa. Penerimaan adat setempat sangat diperlukan dalam perubahan ijtihad berkaitan amalan dan pelaksanaan hospitaliti berkaitan rumah kediaman.*

**Kata kunci** *ijtihad, fiqh Islam, hospitaliti, rumah kediaman*

### **Abstract**

*Islam provides detailed guidance on matters related to quality of dwelling house to ensure comfortable life for human beings. From Islamic perspective, the meaning of a house is not confined solely to physical aspect, but it is also a place where social interaction begins as well as a place to develop a good community. The jurisprudence of hospitality towards guests derived from divine injunctions. This article aims to explain ijtihad on hospitality of dwelling house focusing on regulations that must be followed both by the hosts and guests. Revealed texts as well as opinions of the jurists on hospitality of dwelling house are analyzed. This study concludes that Islam provides a balanced guidance to the life of human beings. A balanced life as proposed by regulations of dwelling house could be observed through dynamic juristic reasoning that had evolved on that matter. Islam ensures the privacy of the occupants of the house and also acknowledges the social needs of human beings. The local custom is a vital factor needed in the evolution of ijtihad on home hospitality.*

**Keywords** *ijtihad, Islamic jurisprudence, hospitality, dwelling house*

Islam adalah agama universal yang melangkaui sempadan masa dan rantau geografi. Sejak lebih 1400 tahun, peraturan yang diwahyukan dalam Islam menjadi panduan hidup (*the way of life*) yang utuh dan relevan dalam mendepani perubahan dan cabaran semasa. Setiap peraturan yang digariskan memberi jaminan kepada kelestarian hidup insan. Ia mencakupi pelbagai pakej kehidupan termasuklah fizikal dan spiritual, dunia dan akhirat, personaliti diri dan persekitaran. Selain itu, peraturan yang digariskan dalam Islam tidak terbatas hanya kepada hubungan manusia sesama manusia, malahan merangkumi hubungan manusia dengan Tuhan dan hubungan manusia dengan alam persekitaran.

Salah satu hubungan penting sesama manusia yang dibincangkan dalam Islam ialah peraturan berkaitan hospitaliti atau perkara-perkara yang mempunyai hubungan yang rapat dengan layanan mesra kepada tetamu. Peraturan ini adalah sangat penting sehingga dikaitkan dengan asas keimanan seperti hadis Rasulullah SAW:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُوذُّ جَارَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ  
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ

Maksudnya: Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat, janganlah dia menyakiti jirannya. Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat maka hendaklah memuliakan tetamu. Dan Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat maka hendaklah berkata yang baik atau berdiam diri.

(Al-Bukhariyy. Kitab: al-Adab, bab: *man kana yu'min billahi wa al-yawm al-akhir*, no: 6018, 8/ 11)

Isu hospitaliti pada asalnya adalah seiring dengan rumah kediaman. Ini kerana, rumah kediaman bukan setakat ruang fizikal semata-mata, malah ia menjadi tempat bermulanya interaksi sosial dan pembinaan komuniti yang sejahtera. Rasulullah SAW menyifatkan rumah kediaman yang berkualiti dengan sifat yang luas merupakan salah satu tanda aras kebahagiaan hidup di dunia melalui hadis baginda:

مِنْ سَعَادَةِ الْمَرْءِ الْجَارُ الصَّالِحُ وَالْمَرْكَبُ الْهَيْئُ وَالْمَسْكَنُ الْوَاسِعُ

Maksudnya: Di antara kebahagiaan individu ialah jiran yang baik, kenderaan yang selesa dan kediaman yang luas.

(Ahmad ibn Hanbal. Musnad al-Makkiyin, bab: Nafi<sup>c</sup> ibn <sup>c</sup>Abd al-Harith, no: 15372, 24/ 86)

Namun kini, hospitaliti merupakan suatu yang dikomersialkan kepada industri yang lebih besar tidak terhad kepada rumah kediaman peribadi semata-mata. Industri hospitaliti merangkumi penyediaan keperluan dan kelengkapan untuk melayani tetamu seperti perkhidmatan penginapan, makanan dan produk kesihatan serta senaman. Oleh itu, frasa hospitaliti telah sinonim dengan industri perhotelan dan rumah penginapan (Marcus L. Stephenson, 2014: 157).

Penulisan tentang hospitaliti yang sinonim dengan hukum bertamu (*ahkam al-diyafah*) tidak wujud dalam satu bab atau tajuk khusus dalam karya fiqh klasik. Hal ini dapat diperhatikan melalui hasil analisis yang dilakukan oleh Isma'il Salim <sup>c</sup>Abd al-<sup>c</sup>Al (1992: 100-115) ke atas pembahagian bab fiqh menerusi lapan karya utama daripada lapan mazhab yang berbeza. Lapan karya fiqh klasik tersebut ialah kitab *al-Hidayah* oleh al-Marghinaniyy (wafat 593H) mewakili mazhab Hanafi, kitab *Mukhtasar Khalil* (wafat 767H) mewakili mazhab Maliki, kitab *al-Wajiz* oleh al-Ghazaliyy mewakili mazhab Syafie, kitab *Muntaha al-Iradat* oleh Ibn al-Najjar (wafat 792H) mewakili mazhab Hanbali, kitab *al-Mukhtasar al-Nafi<sup>c</sup>* oleh al-Huliyy (wafat 676H) mewakili mazhab Syiah Imamiah, kitab *al-Rawd al-Nadir* oleh al-Siyaghiyy (wafat 1221H) mewakili mazhab Zaydiyah, kitab *al-Muhalla* oleh Ibn Hazm al-Zahiriyy (wafat 456H) mewakili mazhab Zahiriyyah dan kitab *Sharh al-Nayl wa Shifa' al-<sup>c</sup>Alil* oleh Atfaysh (wafat 1332H) mewakili mazhab Ibadiyyah.

Walau pun perkara ini tidak dibincangkan dalam bab khusus, namun ianya tidak mencatitkan perbincangan tentang hospitaliti atau hukum bertamu. Ini kerana perbincangan tentang perkara tersebut telah dihuraikan oleh ilmuan Islam melalui karya-karya berbentuk hadis dan akhlak. Antara karya yang membincangkan perbahasan *al-diyafah* ialah kitab *Ghidha' al-Albab fi Sharh Manzumah al-Adab* oleh Shams al-Din al-Safariniyy (wafat 1188H), kitab *al-Adab* oleh Abu Bakr al-Bayhaqiyy (wafat 458H), kitab *Sharh al-Sunnah* oleh Abu Muhammad al-Baghawiyy (wafat 516H), kitab *al-Adab al-Shar<sup>c</sup>iyah wa al-Minah al-Mar<sup>c</sup>iyah* oleh Ibn Muflih al-Hanbaliyy (wafat 763H) dan kitab *Ikram al-Dayf* oleh Abu Ishaq al-Harbiyy (wafat 285H) (Isma'il Shindiyy, 2007).

## Matlamat

Artikel ini bertujuan menghuraikan hospitaliti tentang rumah kediaman dalam fiqh Islam. Garis panduan hospitaliti tentang rumah kediaman yang digariskan dapat memberi keseimbangan dalam kehidupan insan yang lestari iaitu melalui perlindungan hak privasi penghuni kediaman dan tuntutan sosial bermasyarakat iaitu hidup berjemaah. Selain daripada itu, tujuan artikel ini ialah melihat perubahan ijtihad dalam fiqh yang bersifat dinamik. Isu hospitaliti tentang rumah kediaman dipilih sebagai sampel kajian bagi menunjukkan perubahan sesuatu ijtihad dalam mengeluarkan hukum fiqh. Kombinasi antara pemahaman sesuatu teks dengan kemaslahatan konteks adalah penting dalam bagi merealisasikan dinamisme ijtihad fiqh.

## Kaedah

Kajian dalam artikel adalah berbentuk kepustakaan yang menggunakan kaedah analisis data sebagai pendekatan yang utama. Fokus perbincangan adalah menganalisis nas-nas syarak iaitu al-Qur'an dan hadis Rasulullah SAW berkaitan isu perubahan ijtihad fiqh tentang hospitaliti rumah kediaman. Huraian juga akan tertumpu pada ijtihad ilmuan fiqh tentang isu ini.

## Dapatan dan Perbincangan

### Kedudukan Hospitaliti dalam Islam

Perkataan hospitaliti diambil daripada bahasa Inggeris iaitu *hospitality* yang bermaksud layanan baik terhadap tetamu atau orang asing. Ia juga bermaksud segala kemudahan yang disediakan oleh sesuatu organisasi dari segi makanan, minuman dan kemudahan-kemudahan lain untuk pelawat atau pelanggan. Hospitaliti ini berfungsi menjadikan tetamu, pelanggan atau hadirin merasa dialu-alukan dan merasa selesa (*New Oxford Dictionary*, 2012: 412).

Terminologi yang sinonim dengan hospitaliti dalam Islam ialah *ikram al-Dayf* (memuliakan tetamu) atau *husnu al-diyafah* (layanan baik). *Al-Diyafah* merujuk kepada kata kerja *dafa* yang bermaksud turun dan cenderung. Tetamu yang datang ke tempat orang lain disebut dengan istilah *dayf* kerana turun atau cenderung ke tempat yang baharu sama ada mendapat jemputan atau pun tidak (Sa<sup>c</sup>diyy Abu Jayb, 1988M/ 1408: 225). Hukum-hakam berkaitan *al-diyafah* tidak dibincangkan dalam bab fiqh secara khusus kerana peraturan tersebut dihuraikan secara berasingan di dalam karya-karya berbentuk hadis dan akhlak. Alasan penting yang menunjukkan peraturan tersebut mempunyai pertautan yang rapat dengan etika dalam Islam serta digariskan oleh banyak nas syarak primer iaitu al-Qur'an dan hadis Rasulullah SAW. Secara implisit, peraturan-peraturan berkaitan rumah kediaman sangat berkait rapat dengan ajaran Islam itu sendiri yang mengandungi elemen akidah, amalan dan akhlak (3A). Tauhid adalah tunjang kepada kehidupan manusia sama ada di luar atau di dalam rumah kediaman yang membina hubungan manusia dengan pencipta. Manakala amalan (*fiqh*) dan akhlak merupakan peraturan yang menentukan pengisian dan fungsi sesebuah rumah kediaman yang diberkati di dunia dan akhirat.

Oleh yang demikian, hospitaliti dalam Islam pada asalnya adalah berkenaan cara-cara memuliakan tetamu, sifat ramah tamah, menyediakan suasana selesa dan menggembirakan mereka dalam pergaulan. Asas penting dalam melaksanakan hospitaliti ialah mengalu-alukan sesuatu yang baik (*al-tarhib*) dan menghindarkan sesuatu yang dicela (*al-tarhib*), bertatasusila, sopan santun serta dengan penuh kemesraan mengikut panduan syarak dan dilakukan semata-mata kerana kesedaran akidah kepada Allah s.w.t. Perkara ini boleh berlaku di rumah kediaman atau tidak. Walau bagaimanapun, kepentingan memahami peraturan hospitaliti berkaitan rumah kediaman adalah sangat diperlukan kerana setiap manusia menghabiskan dua pertiga kehidupan seharian di rumah kediaman masing-masing. Justeru, kesedaran dan kesediaan tentang perkara ini seharusnya disemai di rumah kediaman masing-masing.

Hospitaliti dalam kehidupan manusia mempunyai sejarah yang panjang seiring dengan perbezaan kehidupan manusia dan kepelbagaian kondisi dan tempat. Nas syarak turut merekodkan peristiwa bertamu yang menunjukkan beberapa situasi hospitaliti kepada nabi-nabi terdahulu sebelum kedatangan

Rasulullah SAW. Antaranya kisah tetamu Nabi Ibrahim a.s menerusi firman Allah s.w.t:

هَلْ أَتَاكَ حَدِيثُ ضَيْفِ إِبْرَاهِيمَ الْمُكْرَمِينَ إِذْ دَخَلُوا عَلَيْهِ فَقَالُوا سَلَامًا قَالَ سَلَامٌ قَوْمٌ مُنْكَرُونَ فَرَأَى إِلَىٰ أَهْلِهِ فَجَاءَ بِعِجَلٍ  
سَمِينٍ فَقَرَّبَهُ إِلَيْهِمْ قَالَ أَلَا تَأْكُلُونَ

Surah al-Dhariyat (51): 24-27

Maksudnya: Sudahkah sampai kepadamu (Wahai Muhammad) perihal tetamu Nabi Ibrahim yang dimuliakan? Ketika mereka masuk mendapatkannya lalu memberi salam dengan berkata: “Salam sejahtera kepadamu!” ia menjawab: “salam sejahtera kepada kamu!” (sambil berkata dalam hati): mereka ini orang-orang yang tidak dikenal. Kemudian ia masuk mendapatkan ahli rumahnya serta dibawanya keluar seekor anak lembu gemuk (yang dipanggang). Lalu dihidangkannya kepada mereka sambil berkata: “Silalah makan.”

Amalan hospitaliti turut berlaku pada zaman Jahiliyah dan menjadi sebahagian adat masyarakat Arab yang diteruskan kesinambungannya selepas kedatangan Islam. Rasulullah s.a.w menyatakan perkara ini kepada al-Sa’ib ibn Abdillah:

يَا سَائِبُ انظُرْ أَخْلَاقَكَ الَّتِي كُنْتَ تَصْنَعُهَا فِي الْجَاهِلِيَّةِ فَاجْعَلْهَا فِي الْإِسْلَامِ، أَقْرَ الضَّيْفِ، وَأَكْرَمِ الْيَتِيمِ، وَأَحْسِنُ إِلَىٰ جَارِكَ

Maksudnya: Wahai Sa’ib, lihatlah akhlak kamu yang telah dilakukan ketika jahiliyah, maka lakukanlah perkara tersebut dalam Islam. Layanlah tetamu, muliakanlah anak yatim dan berlaku baik kepada jiran kamu.

(Ahmad ibn Hanbal. Musnad al-Makkiyin, bab: al-Sa’ib ibn Abdillah, no: 15500. 24/258)

Rasulullah SAW merupakan ikon terbaik dalam memuliakan dan melayan tetamu. Sifat kasih sayang baginda tergambar dalam memberi makanan dan minuman, sentiasa memberi senyuman, penggunaan kata-kata yang baik dan terpilih, tidak ada tersirat nilai-nilai kasta, menyambut dan memuliakan tetamu mengikut kesesuaian pangkat dan kedudukan mereka dalam masyarakat. Kata-kata Khadijah sebagai isteri pertama baginda berkaitan sifat-sifat mulia Rasulullah SAW apabila turunnya wahyu ialah:

إِنَّكَ لَتَصِلَ الرَّجْمَ، وَتَحْمِلُ الْكَلَّ، وَتَكْسِبُ الْمَعْدُومَ، وَتَقْرِي الضَّيْفَ، وَتُعِينُ عَلَىٰ نَوَائِبِ الْحَقِّ

Maksudnya: Sesungguhnya kamu menyambung silaturrahim, menanggung setiap bebanan (kesusahan), memberi rezeki atas perkara yang tiada, melayan tetamu dan menolong atas musibah mengikut kebenarannya.

(Al-Bukhariyy, bab: Bid’ al-wahyi, no 3. 1/7)

Dari sudut yang lain, layanan mesra kepada tetamu dapat mengelakkan diri individu daripada penyakit kedekut dan bakhil. Rasulullah SAW bersabda:

بَرٌّ مِنَ الشُّحِّ مَنْ أَدَّى الزَّكَاةَ، وَقَرَى الضَّيْفَ، وَأَعْطَى فِي النَّائِبَةِ

Maksudnya: Terhindar daripada sifat kedekut ialah mereka yang menunaikan zakat, melayan tetamu dan membantu ketika musbah.

(Al-Suyutiyy. Harf al-ba’. no: 10352. 11/104)

Walaupun status hadis di atas adalah lemah (*da’if*), namun perlakuan melayan tetamu masih termasuk dalam kategori kebaikan dan kebajikan menerusi firman Allah s.w.t iaitu:

لَيْسَ الْبِرُّ أَنْ تُولُوا وَجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّينَ  
وَاتَى الْمَالَ عَلَىٰ حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ  
وَالْمُؤْفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ

Maksudnya: Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, hari akhirat, malaikat, kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya sedang ia menyayangnya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjakan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka membuat perjanjian; dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang. Mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertaqwa.

Surah al-Baqarah (2): 177

Tafsiran frasa “*أَبْنِ السَّبِيلِ*” menurut sebahagian ulama seperti Qatadah, Mujahid, Sa'ad ibn Jubayr, Abu Ja'far al-Baqir dan al-Dahhak ialah tetamu (al-Tabariyy. 2000M/ 1420H: 3/345; Ibn Kathir. 1999M/ 1420H: 1/487). Justeru, mereka juga sebahagian komuniti yang perlu diraikan menerusi peraturan hospitaliti dan layanan yang baik. Muhammad Nuh al-Qudah (2008M/ 1429H: 128) menyatakan bahawa hospitaliti melalui hukum bertamu merupakan mekanisme untuk merealisasikan masyarakat yang harmoni. Beliau menambah tiga kepentingan utama hospitaliti ialah menyuburkan semangat kasih sayang melalui amalan ziarah, mewujudkan sikap tolong menolong dan merehatkan jiwa serta perasaan menerusi perkongsiaan cerita antara dua pihak iaitu tuan rumah dan tetamu.

### **Ijtihad Fiqh yang Dinamik tentang Hospitaliti Rumah Kediaman**

Ijtihad merupakan satu usaha penting dalam disiplin fiqh untuk mengetahui sumber, proses dan hasil bagi sesuatu hukum. Secara literal, ijtihad bermaksud mencurah tenaga secara habis-habisan untuk sampai kepada hakikat sesuatu perkara. Dari sudut istilah disiplin fiqh ijtihad merujuk kepada usaha yang dilakukan oleh seorang faqih (ilmuan fiqh) dalam membuat *istinbat* (kesimpulan) hukum syarak berbentuk amali berdasarkan dalil-dali yang terperinci (Al-Jurjaniyy. 1983M/ 1403H: 10).

Dinamisme ijtihad fiqh adalah berdasarkan kepada penyelesaian hukum yang bersifat dinamik. Dinamik bermaksud bertenaga dan berkekuatan serta mampu membuat penyesuaian, menerbitkan pembaharuan dan kemajuan (Kamus Dewan. 2002: 305). Dalam hal ini, setiap hukum fiqh yang dihasilkan melalui proses ijtihad sama ada berbentuk *intiqā'iy* (pilihan berdasarkan analisis sedia ada) atau *insha'iy* (analisis permasalahan baharu) tidak seharusnya bersifat jumud (beku dan kaku), bahkan seharusnya memenuhi tuntutan persoalan semasa dan keadaan setempat masyarakat (‘Ata’ al-Rahman al-Nadwiyy. 2006: 87).

Isu hospitaliti berkaitan rumah kediaman merupakan sebahagian perbincangan ijtihad ilmuan Islam dan bukanlah suatu yang baharu. Terdapat pelbagai nas syarak tentang isu ini bagi menunjukkan kepentingan hospitaliti kepada kehidupan bermasyarakat. Isu ini juga tidak terlepas kepada perubahan ijtihad dalam beberapa aspek bagi mengambil kira dua faktor utama iaitu, kefahaman terhadap teks (nas syarak) dan konteks (adat setempat). Matlamat yang jelas ialah setiap peraturan berkaitan hospitaliti rumah kediaman yang disyariatkan adalah bersifat dinamik iaitu mengambil kira keperluan masyarakat tanpa menafikan tuntutan sesuatu nas.

Islam adalah agama yang mementingkan keseimbangan dalam setiap peraturan yang ditetapkan. Keseimbangan yang digariskan melalui peraturan hospitaliti berkaitan rumah kediaman ialah memelihara dua kemaslahatan iaitu tuan rumah dan tetamu. Secara umumnya, hospitaliti berkaitan rumah kediaman menjaga hak privasi bagi setiap rumah kediaman dan pada masa yang sama tidak mengabaikan kehidupan bermasyarakat. Peraturan hospitaliti yang seimbang juga digambarkan dari sudut tempoh bertamu dan etika yang ditetapkan.

Matlamat penciptaan manusia di dunia adalah membawa dua agenda penting iaitu sebagai hamba yang akur melakukan pengabdian dan khalifah yang memakmurkan bumi. Tuntutan pengabdian diri kepada Allah s.w.t bukan hanya tertumpu kepada program ibadah tertentu, malah mencakupi ruang lingkup yang lebih umum dan luas. Ia bukan hanya merupakan program amal ibadah yang berbentuk khusus seperti sembahyang, puasa dan zakat, malah mereka dituntut supaya mengerjakan amal ibadat yang lebih umum seperti menghubungkan kasih sayang sesama insan. Perkara tersebut juga merupakan salah satu amal ibadah atau pengabdian diri kepada Allah s.w.t.

## Hukum Hospitaliti Rumah Kediaman

Ilmuan fiqh membahagikan hukum hospitaliti berkaitan rumah kediaman kepada tiga kategori. Punca perselisihan pendapat adalah kerana perbezaan dalil antara tafsiran tuntutan yang menunjukkan suruhan wajib atau tidak. Perincian pendapat ulama adalah seperti berikut (Muhammad Nuh al-Qudah. 2008M/1429H: 121):

1. Hukum hospitaliti berkaitan rumah kediaman adalah sunat.

Pendapat ini merupakan pandangan yang dikemukakan oleh majoriti mazhab fiqh iaitu Hanafi, Maliki dan Syafie (Ibn °Arabiyy. 2003M/ 1424H: 3/ 20, al-Nawawiyy. 1392H: 12/ 30). Mereka menyatakan hospitaliti merupakan sebahagian perlakuan baik tanpa membezakan kawasan geografi iaitu sama ada berlaku di desa, bandar atau yang melibatkan penempatan tetap mahupun sementara.

Antara dalil yang menjadi sandaran hukum ini ialah hadis Rasulullah s.a.w:

عَنْ أَبِي شُرَيْحِ الْعَدَوِيِّ، قَالَ: سَمِعْتُ أَدْنَابِي، وَأَبْصَرْتُ عَيْنَايَ، حِينَ تَكَلَّمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ جَارَهُ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ صَدَقَةَ جَانِزَتِهِ قَالَ: وَمَا جَانِزَتُهُ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: يَوْمَ وَلِيئَتِهِ، وَالصَّيَافَةَ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ، فَمَا كَانَ وَرَاءَ ذَلِكَ فَهُوَ صَدَقَةٌ عَلَيْهِ، وَمَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ

Maksudnya: Abu Shurayh al-Adawiyy meriwayatkan dengan berkata: Aku mendengar dengan dua telinga, melihat dengan dua mataku ketika Rasulullah SAW bersabda: Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhirat maka hendaklah dia memuliakan jirannya. Sesiapa beriman kepada Allah dan hari Akhirat maka hendaklah memuliakan tetamu atas pemberiannya. Lalu Sahabat bertanya: Apakah pemberiannya wahai Rasulullah? Rasulullah bersabda: sehari semalam, dan bertamu selama tiga hari. Apa yang lebih selepas itu merupakan sedekah ke atasnya. Sesiapa beriman kepada Allah dan hari Akhirat maka hendaklah berkata yang baik atau berdiam diri.

(Al-Bukhariyy. *Kitab: al-Adab, Bab: man kana ya' min billahi wa al-yawm al-akhir*; no: 6019, 8/ 11)

Tafsiran hukum sunat berdasarkan hadis ini ialah penggunaan frasa yang tidak menjurus kepada wajib kerana bertamu merupakan sebahagian bentuk penghormatan semata-mata dan bukan satu bentuk hak. Rasulullah SAW juga menggunakan frasa “جَانِزَتُهُ” yang membawa maksud pemberiannya. Hukum asal pemberian adalah sunat sahaja. Selain itu, memuliakan tetamu digandingkan dengan memuliakan jiran yang hukumnya adalah sunat secara ijmak (Isma'îl Shindiyy. 2007).

Dalil lain ialah perakuan Rasulullah SAW ke atas perbuatan sahabat. Imam al-Bukhariyy merekodkan hadis daripada Abu Sa'îd al-Khudriyy yang menceritakan beberapa orang sahabat Rasulullah telah bermusafir dan singgah di salah sebuah kawasan komuniti Arab. Kehadiran mereka tidak dihiraukan oleh komuniti tersebut. Perlakuan komuniti tersebut diajukan kepada Rasulullah SAW, namun Baginda tidak mencela perbuatan tersebut. Perakuan ini menunjukkan layanan kepada tetamu bukanlah satu hak yang wajib ditunaikan.

2. Hukum hospitaliti adalah wajib mengikut tempoh iaitu sehari semalam. Tempoh kesempurnaan ialah selama tiga hari. Pandangan ini dikemukakan oleh mazhab Hanbali, al-Layth bin Saad, al-Shawkaniyy dan Ibn Hazm (Ibn °Arabiyy. 2003M/ 1424H: 3/ 20). Antara dalil yang dijadikan sandaran ialah hadis Rasulullah SAW:

إِنْ نَزَلْتُمْ بِقَوْمٍ فَأَمَرُوا لَكُمْ بِمَا يَنْبَغِي لِلصَّيْفِ فَأَقْبَلُوا، فَإِنْ لَمْ يَفْعَلُوا، فَخُذُوا مِنْهُمْ حَقَّ الصَّيْفِ الَّذِي يَنْبَغِي لَهُمْ

Maksudnya: Sekiranya kamu pergi ke sesuatu kaum, maka mereka diperintahkan bagi kamu apa yang sepatutnya untuk tetamu, lalu terimalah. Sekiranya mereka tidak melakukan, maka ambillah daripada mereka hak tetamu yang sepatutnya bagi mereka.

(Al-Bukhariyy. *Kitab: al-Adab, Bab: ikram al-dayf*, no: 6137. 8/ 32)

Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW bersabda:

لَيْلَةُ الضَّيْفِ حَقٌّ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ، فَمَنْ أَصْبَحَ بِفَنَائِهِ فَهُوَ عَلَيْهِ دَيْنٌ، إِنْ شَاءَ أَقْتَضَى وَإِنْ شَاءَ تَرَكَ

Maksudnya: Bermalam bagi tetamu adalah hak yang wajib ke atas setiap muslim. Sesiapa yang menginap di kawasanya maka dia memperolehi hutang ke atasnya (tuan rumah), sekiranya dia mahu bolehlah dia tuntutan dan tinggalkan.

(Abu Dawud. *Kitab: al-Ar'imah*, Bab: *ma ja'a fi al-diyafah*, no: 3750. 3/ 342)

Hadis-hadis ini memberi kebenaran untuk tetamu untuk menyatakan hak mereka daripada tuan rumah sehingga dianggap sebagai sebahagian hutang yang perlu dilangsaikan. Kebenaran ini menunjukkan hak yang wajib diraikan sepanjang tempoh bertamu.

3. Hukum hospitaliti adalah fardu kifayah seperti yang dikemukakan oleh Ibn Arabiyy (Ibn °Arabiyy. 2003M/ 1424H: 3/ 21). Dalil yang digunakan ialah riwayat hadis daripada Abu Sa'id al-Khudriyy yang digunakan oleh pendapat pertama. Beliau mentafsirkan sekiranya salah seorang daripada komuniti Arab tersebut melakukan layanan kepada tetamu maka terlepas tanggungan kepada yang lain.

Berdasarkan kepelbagaian ijthad tersebut, dapat diringkas dua hukum utama bagi hospitaliti rumah kediaman iaitu antara status wajib dan sunat sahaja. Pendapat jumur ulama iaitu yang menjurus kepada status sunat adalah yang lebih kuat berdasarkan tafsiran kepada dalil yang digunakan. Hukum sunat tersebut adalah lebih sesuai iaitu mengikut konteks semasa kerana faktor perubahan persekitaran. Asas adat setempat sangat mempengaruhi ijthad ini sesuai dengan kaedah fiqh utama iaitu "adat atau uruf dijadikan rujukan hukum" (العادة محكمة). Ruang fizikal rumah kediaman pada masa kini sangatlah terhad untuk ahli keluarga dan tidak banyak yang membenarkan untuk orang luar bermalam. Situasi ini paling ketara sekiranya rumah kediaman dikategorikan kepada rumah kos rendah atau sederhana rendah yang hanya mempunyai ruang bilik terhad tanpa membezakan bilik tetamu. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak menjadi kesulitan kepada rumah kediaman dalam kategori kos tinggi yang biasanya mempunyai banyak bilik termasuk ruang khas untuk tetamu.

Selain daripada itu, industri hospitaliti telah berkembang pesat menerusi perkembangan rumah penginapan dan perhotelan dengan pelbagai kemudahan kepada tetamu. Kemudahan mobiliti dan pengangkutan juga menjadi semakin selesa pada masa kini. Kondisi ini sangatlah berbeza dengan situasi masyarakat ketika wahyu diturunkan pada peringkat awal perundangan Islam.

## Tempoh Bertamu

Nas syarak terutama hadis Rasulullah SAW menyatakan tempoh apabila seseorang datang ke rumah kediaman orang lain. Tempoh bertamu di sisi syarak ialah antara satu hingga tiga hari. Hospitaliti selepas tempoh tersebut hanya dianggap seperti sedekah dan kembali kepada situasi biasa sahaja. Rasulullah s.a.w bersabda:

الضِّيَافَةُ ثَلَاثَةُ أَيَّامٍ، وَجَانِزَتُهُ يَوْمٌ وَلَيْلَةٌ، وَلَا يَحِلُّ لِرَجُلٍ مُسْلِمٍ أَنْ يُقِيمَ عِنْدَ أَخِيهِ حَتَّى يُؤْتِمَهُ، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَكَيْفَ يُؤْتِمُهُ؟ قَالَ: يُقِيمُ عِنْدَهُ وَلَا شَيْءَ لَهُ يُقْرِيه بِهِ

Maksudnya: Bertamu itu tiga hari dan pemberiannya ialah sehari semalam. Tidak halal bagi seorang muslim untuk tinggal dengan saudaranya sehingga menyebabkan berdosa. Sahabat bertanya: Wahai Rasulullah S.A.W, bagaimana menyebabkan berdosa itu? Rasulullah SAW menjawab: dia berada di tempat saudaranya sehingga tiada suatu pun untuk disediakan sebagai layanan baginya.

(Muslim. *Kitab: al-Hudud*, Bab: *al-diyafah wa nahwiha*, no: 15, 3/1353)

Hadis ini menunjukkan kebenaran hospitaliti hanya berlaku sebelum tempoh tiga hari atau dalam keadaan tidak menyusahkan tuan rumah. Ini disokong dalam lafaz hadis lain yang direkodkan oleh Imam al-Bukhariyy iaitu "وَلَا يَحِلُّ لَهُ أَنْ يُثْوِيَ عِنْدَهُ حَتَّى يُخْرِجَهُ" bermaksud: tidak halal baginya untuk menetap di sisi (saudara) nya sehingga menyusahkannya (Al-Bukhariyy. 8/32).

Perubahan ijtihad turut berlaku dalam isu ini kesan pelbagai kemudahan pengangkutan dan penginapan yang berbeza sama sekali dengan zaman awal Islam. Malah hikmah frasa “tidak menyusahkan” yang disebut oleh Rasulullah SAW akan ditentukan oleh amalan adat setempat dalam menetapkan sejauh mana tahap kepayahan layanan hospitaliti yang mungkin turut berlaku dalam tempoh kurang dari tiga hari (Muhammad Nuh al-Qudah, 2008M/ 1429H: 124).

## Etika Bertamu

Keseimbangan peraturan hospitaliti berkaitan rumah kediaman turut menggariskan etika yang perlu dipatuhi oleh kedua-dua pihak iaitu tuan rumah sebagai pihak yang menerima kunjungan dan tetamu sebagai orang luar kepada rumah kediaman tersebut. Etika yang digariskan adalah seperti berikut (Wazarat al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah. 1427M/ 1404M: 28/ 317, Isma'il Shindi, 2007):

- a. Tuan rumah kediaman:
  - i. Mengalu-alukan kehadiran tetamu.
  - ii. Menyegerakan perkhidmatan dan makanan.
  - iii. Menjaga perkataan dalam berbicara bersama tetamu.
  - iv. Bersama menjamah makanan dan dibenarkan untuk membatalkan puasa sunat.
  - v. Tidak membeza-bezakan tetamu.
  - vi. Memastikan kemudahan penginapan sekiranya melibatkan bermalam di rumah kediamannya.
  - vii. Mengiringi tetamu ketika keluar dari rumah kediamannya.
- b. Tetamu:
  - i. Bersegera untuk menjamah sekiranya telah dihidangkan dengan juadah.
  - ii. Tidak menyusahkan tuan rumah untuk tinggal lebih daripada yang sepatutnya.
  - iii. Memaklumkan tuan rumah akan kehadiran.
  - iv. Menghargai apa yang dihidangkan oleh tuan rumah.
  - v. Memastikan untuk duduk di ruang yang dibenarkan sahaja.
  - vi. Menjaga bicara dengan perkataan-perkataan yang baik.

Garis panduan berkaitan etika bertamu merupakan peraturan umum yang digariskan oleh Islam sebagai hak dan tanggungjawab dua pihak iaitu tuan rumah dan tetamu. Dari sudut amalan dan pelaksanaan, ijtihad berkaitan dengannya turut mengalami perubahan mengikut kesesuaian tempat dan masa. Perubahan ijtihad yang dinamik berkaitan hospitaliti rumah kediaman adalah berdasarkan beberapa faktor utama:

- i. Faktor kemampuan:
 

Setiap layanan perlu mengikut keupayaan dan tanggungan tuan rumah. Layanan yang terbaik tidak semestinya melibatkan pembaziran dan melibatkan sesuatu yang menyusahkan.
- ii. Faktor ruang fizikal kediaman:
 

Setiap pihak perlu mengetahui keadaan ruang rumah kediaman semasa aktiviti bertamu dijalankan. Tuan rumah perlu menetapkan ruang bertamu bagi membezakan antara domain peribadi dan domain umum institusi keluarga. Manakala di pihak tetamu perlu menjaga limitasi domain bertamu yang dibenarkan sahaja.
- iii. Faktor penginapan alternatif semasa:
 

Seperti yang diketahui, industri hospitaliti pada masa kini telah berkembang pesat dengan terbinanya pelbagai bentuk kemudahan penginapan. Hal ini merupakan satu alternatif kepada setiap individu yang merasakan kehadirannya untuk bermalam ketika bertamu di rumah kediaman orang lain sebagai satu yang menyusahkan.



## Kesimpulan

Institusi keluarga Islam bukan sekadar mementingkan pembangunan fizikal dan ruang rumah kediaman semata-mata, malah pengisian dan fungsi setiap ruang yang bermanfaat dan mendatangkan kebaikan hidup di dunia dan akhirat. Peraturan hospitaliti berkaitan rumah kediaman adalah satu bentuk keistimewaan yang diberikan secara eksklusif kepada setiap penghuni. Panduan syarak tentang isu ini tidak boleh dikesampingkan sebagai jaminan kepada kehidupan insan yang lestari.

Setiap peraturan yang digariskan terikat dengan dua jenis iaitu hak Allah SWT dan hak hamba secara serentak. Hak Allah SWT merujuk kepada peraturan yang telah ditetapkan berdasarkan nas dan sumber wahyu yang perlu dipenuhi sebagai satu tuntutan dan kewajipan agama. Dalam hal ini, hospitaliti berkaitan rumah kediaman seiring dengan panduan wahyu yang mementingkan tiga unsur penting dalam kehidupan iaitu akidah, akhlak dan amalan (fiqh). Manakala hak hamba atau manusia tertumpu kepada peraturan yang ditetapkan sesama manusia dan biasanya berasaskan kepada masalah dan budi bicara bersama. Hal ini dapat dilihat kepada penentuan tempoh dan etika bertamu yang kembali kepada adat setempat sebagai rujukan amalan yang sesuai.

Kesemua peraturan hospitaliti berkaitan rumah kediaman memastikan kehidupan insan yang lestari iaitu untuk mencapai keseimbangan supaya manusia tidak hanya pentingkan hidup bersendirian tanpa menghiraukan masyarakat dan persekitaran. Adat setempat menjadi rujukan tentang amalan yang bersesuaian dari sudut tempoh, jenis dan bentuk layanan ketika bertamu. Kombinasi antara tuntutan nas (teks) dan adat setempat (konteks) menjadi asas perubahan ijtihad fiqh tentang peraturan hospitaliti rumah kediaman yang lebih dinamik.

## Rujukan

- Abu Dawud, Sulayman ibn al-Ash'ath. (t.t). *Sunan*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Ahmad ibn Hanbal. (1998M/1419H). *al-Musnad*. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- 'Ata' al-Rahman al-Nadwiyy. (2006). Al-Ijtihad wa Dawruhu fi Tajdid al-Fiqh al-Islamiyy. *Dirasat al-Jami'ah al-Islamiyyah al-'Alamiyyah*. Retrieved Jun 1, 2014, from <http://www.banglajol.info/index.php/IIUCS/article/download/2676/2272>.
- Al-Bukhariyy, Muhammad ibn Isma'il. (1422H). *Sahih al-Bukhariyy*. T.tp: Dar Tawq al-Najat.
- Al-Jurjaniyy, Ali ibn Muhammad. (1983M/ 1403H). *Kitab al-Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nawawiyy, Yahya ibn Sharf. (1392H). *Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim ibn al-Hajjaj*. Cet 2. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Al-Suyutiyy, Abd al-Rahman ibn Abi Bakr. (T.th). *Jami' al-Ahadith*.
- Al-Tabariyy, Muhammad ibn Jarir. (2000M/ 1420H). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*. T.tp: Mu'assasat al-Risalah.
- Ibn 'Arabiyy, Muhammad ibn Abdullah. (2003M/ 1424H). *Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Cet 2.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il ibn 'Umar. (1999M/ 1420H). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. T.tp: Dar Tayyibah. Cet 2.
- Isma'il Salim 'Abd al-'Al. (1992M/ 1412H). *Al-Bahth al-Fiqhiyy*. T.tpt: Maktabah al-Zahra'.
- Isma'il Shindiy. (2007). *Ahkam al-Diyafah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*. Retrieved January 1, 2014, from <http://repository.yu.edu.jo/handle/123456789/442836>.
- Kamus Dewan*. (2002). Edisi 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marcus L. Stephenson. (2014). Deciphering 'Islamic hospitality': Developments, challenges and opportunities. *Tourism Management*. Retrieved Jun 19, 2014, from <http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0261517713001027>.
- Muhammad Nuh al-Qudah. (2008M/ 1429H). Al-Diyafah wa Ahkamuha fi al-Fiqh al-Islamiyy. *Al-Majalla al-Urduniyyah fi al-Dirasat al-Islamiyyah*. Retrieved January 1, 2014, from <http://web2.aabu.edu.jo/Islamic/artical435.html>
- New Oxford Dictionary*. (2012). Second Edition. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Muslim ibn al-Hajjaj. (T.tn) *Al-Musnad al-Sahih*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Sa'adiyy Abu Jayb. (1988M/ 1408). *Al-Qamus al-Fiqhiyy*. Cet 2. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Sheikh Abdullah Basmeih. (2002). *Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada penerbitan al-Quran (30) Juz*. Cetakan 13. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Wazarat al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah. (1427M/ 1404M). *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwitiyyah*. Kuwait: Dar al-Salasil.